

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS (KOTA BELUD) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional di sebalik tindakan mengetepikan penglibatan Wakil Rakyat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari pembangkang dalam sesi libat urus berkenaan dengan perihal kesihatan awam yang meliputi COVID-19 yang diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Tindakan Daerah dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan yang lain.

JAWAPAN

YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang DiPertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dalam menangani pandemik COVID-19. Dalam hal ini, keputusan-keputusan dasar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan turut mengambil kira pandangan pihak pembangkang dalam berkongsi dalam menangani isu pengurusan pandemik COVID-19. Hal ini dibuktikan melalui penglibatan dan sesi libat urus pihak pembangkang di dalam Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 yang ditubuhkan mengikut

Seksyen 2 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang berperanan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan pelaksanaan darurat.

2. Selain itu, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan setiap tindakan dilaksanakan secara bersepadu. Dalam hubungan ini, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri tanpa mengira latar belakang politik menjadi ahli kepada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Sidang tersebut berperanan membincangkan, meneliti dan memutuskan keperluan dasar berkaitan isu COVID-19 secara menyeluruh melibatkan semua kementerian dan agensi pelbagai sektor.

3. Di peringkat negeri, Menteri Besar dan Ketua Menteri bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat di peringkat negeri masing-masing melibatkan pelbagai jabatan dan agensi dalam menguruskan dan mengendalikan isu pandemik COVID-19 secara lebih berkesan. Sebagai contoh, keperluan untuk melibatkan pihak yang tidak disenaraikan sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) adalah terletak kepada kebijaksanaan dan budi bicara para Pegawai Daerah selaku Pengerusi JPBD. Senarai Jawatankuasa tersebut tidak *exhaustive* dan sesiapa yang berkaitan boleh dijemput mengikut ketetapan Pengerusi JPBD. Tiada halangan jua untuk mana-mana wakil rakyat baik di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri untuk mengemukakan syor bertulis kepada JPBD.

4. Justeru, setiap peringkat pentadbiran kerajaan berperanan dan melaksanakan tanggungjawab bersama untuk memastikan kesejahteraan dan kelangsungan rakyat dan negara dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI
[RAUB]
TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tindakan proaktif dalam memaksimumkan proses bagi suntikan vaksin COVID-19 dalam fasa 3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan atau PICK meliputi beberapa Fasa mengikut keutamaan kumpulan sasaran. Bagi pelaksanaan vaksinasi Fasa 3 sepertimana yang ditanya oleh Yang Berhormat, Fasa ini bermula pada Mei 2021 untuk populasi dewasa negara berumur 18 tahun ke atas termasuk bukan warganegara.

Sehingga 5 Oktober 2021, seramai 22.11 juta penduduk Malaysia telah berdaftar di sistem MySejahtera bagi mendapatkan vaksin. Ini merupakan 94.5% daripada sasaran kira-kira 23.4 juta populasi dewasa

NO. SOALAN : 35

atau berumur 18 tahun ke atas di dalam Malaysia. Berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), seramai 88.4% penduduk dewasa telah lengkap divaksinasi.

Bagi memaksimumkan proses bagi suntikan vaksin COVID-19 dalam Fasa 3, MOSTI melalui CITF memberi tumpuan pengagihan bekalan vaksin ke negeri-negeri yang mempunyai bilangan kes positif COVID-19 yang tinggi berdasarkan data semasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada bulan September, agihan vaksin telah diberi keutamaan kepada 4 negeri iaitu Sabah, Kelantan, Kedah dan Johor. Hasilnya semua negeri telah mencapai sasaran 60% populasi dewasa divaksinasi pada bulan tersebut. Pencapaian vaksinasi negeri-negeri ini telah meningkatkan kadar vaksinasi keseluruhan negara melebihi 85% pada masa ini.

Sekian, terima kasih.